

# UMS, Ipsom kerjasama kaji keselamatan perairan Sabah

DE 30.12.13 2

**Rini Zahlifah Ismail**

KOTA KINABALU: Sabah mempunyai garis pantai terpanjang berbanding negeri lain di Malaysia.

Selain itu, lokasinya yang strategik berhampiran Filipina, Brunei dan Indonesia menjadikan ia lebih terdedah kepada kemungkinan ancaman serta cabaran lain.

Semua itu adalah jenis isu yang ingin diketengahkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Keselamatan Awam Malaysia (Ipsom).

"Malahan, kami akan bekerjasama dalam hal ini... Bagaimanapun, kerjasama kami bukan saja menumpu pada penyelidikan akademik... Paling penting sekali, apa yang kami lakukan akan memberi kesan pada sistem keselamatan dan pertahanan negara ini secara keseluruhan," kata Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Naib Canselor UMS.

Harun menyatakan demikian semasa satu sidang media sempena upacara menandatangani surat hasrat dan mesyuarat di tingkat enam, bangunan Canseleri UMS, di sini baru-baru ini.

Kudat hingga selatan, Semporna, Tawau adalah antara tempat-tempat yang akan terlibat.



Harun

Beliau sekali lagi menekankan, gabungan kemahiran secara strategik antara kedua pihak itu boleh memberi sumbangan kepada isu keselamatan pesisir negeri ini dan mendedahkan penyelidikan pertama melibatkan satu kajian sosial yang dibincangkan seara menyeluruh semasa mesyuarat itu.

Borang akan diedarkan ke lokasi tertentu yang disasarkan.

Sehubungan itu, Harun berkata ia menunjukkan sistem pendidikan kita berkembang positif.

Ia juga menunjukkan kemajuan/kesudahan baik dari segi penguatkuasaan.

"We definitely need support from all parties concerned."

Deŕgan itu, katanya, kerjasama akan dijalin dengan Ipsom dan sebarang agensi lain termasuk Esscom (Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah), Maritim dan Polis.

Antara isu yang akan diberi perhatian tambahan akan termasuk Esscom.

Harun, bagaimanapun, enggan mendedahkan topik utama yang dibincangkan semasa mesyuarat itu.

"Kami belum memuktamadkan apa-apa perkara. Tetapi ia akan membabitkan orang awam."

Selain itu, beliau enggan memberi maklumat lanjut tentang perkara itu.